

POTENSI FILANTROPI ISLAM DALAM INSTITUSI PEMULIHAN DADAH

Abdullah Alqari Mohd Zabudin¹, Wan Mohd Yusof Wan Chik², Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali¹, Syed Mohd Azmi Syed Ab Rahman¹

¹Faculty of Islamic Contemporary Studies, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia

²Research Institute for Islamic Products and Malay Civilization, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia

Penulis Koresponden: Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali
emtajuddin@uniswa.edu.my

Abstrak : Ketagihan dadah merupakan masalah kritikal yang dihadapi oleh masyarakat dunia. Ini disebabkan oleh penyebarannya yang tidak terkawal dan ketiadaan solusi berkesan untuk mengatasinya. Antara kaedah pemulihan penagih adalah melalui institusi-institusi pemulihan, namun timbul isu keterbatasan dana dalam mengekalkan operasi di pusat pemulihan, terutamanya yang diselia oleh pihak persendirian. Justeru, usaha pemulihan dadah memerlukan sumber kewangan yang lebih bervariasi dan antara sumber yang boleh di eksplorasi adalah filantropi. Objektif penulisan ini adalah untuk meneroka ruang-ruang filantropi yang ada dalam fiqh Islam yang berpotensi untuk digunakan dalam melestarikan proses pemulihan dadah. Kajian kepustakaan berasaskan kajian kualitatif menganalisis maklumat-maklumat yang diperolehi secara induktif dan deduktif. Kajian mendapati bahawa filantropi adalah sesuatu yang sememangnya berakar-umbi dalam nas-nas syarak dan fiqh Islam. Pendanaan sumber-sumber filantropi dalam bidang pemulihan sememangnya mempunyai asas menurut fiqh. Begitu pun ia perlu ditimbang secara strategik mengikut keperluan masa dan kepentingan umum. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa filantropi adalah salah satu jalan penyelesaian yang boleh digunakan dalam memastikan kelestarian operasi sesuatu pusat pemulihan demi pembangunan komuniti.

Kata Kunci: Filantropi, Islam, Dana, Lestari, Pusat Pemulihan, Dadah

Abstract: Drug addiction is a problem faced by societies globally. Other than its rampant outspread and no identifiable solution in sight, limited financial support in rehabilitating addict is also a major problem in sustaining rehabilitation centres especially centres run by private. Philanthropy could be explored as one of the financial sources for rehabilitation. This paper aims to explore the use of philanthropic capacity of Islamic jurisprudence in supporting drug rehabilitation process. It also will utilize the qualitative method in analysing materials collected inductively and deductively. This paper finds that philanthropy definitely has its roots in Islamic scriptures and its jurisprudence. Furthermore, philanthropic funding for rehabilitation also has coherent relations with Islamic code. Even so, it depends on a few factors that relate with time of requirement and public interest. This paper implicates that philanthropy is a practical solution that could be utilised in sustaining rehabilitation centres operations for the sake of community development.

Key Words: Philanthropy, Islamic, Funding, Sustainable, Rehabilitation Centres, Drug

Pengenalan

Filantropi asalnya merupakan gabungan dua perkataan dari bahasa Greek *phil* yang bermaksud cinta dan *anthrōpos* yang bermaksud manusia. Gabungan keduanya menghasilkan perkataan *philanthrōpos* yang seterusnya diguna pakai dalam bahasa Latin sebagai *philanthropia*, dan diubah ke bahasa Inggeris menjadi *philanthropy* (Merriam-Webster). Ia diertikan sebagai perbuatan atau pemberian yang dilakukan untuk tujuan kemanusiaan.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2016) pula mentakrifkan Filantropi sebagai kedermawanan, dan rasa kasih sayang terhadap manusia.

Gardner menyifatkan filantropi sebagai menggunakan harta persendirian secara imaginatif untuk menangani masalah-masalah asas dalam komuniti (Flatto, 2015). Payton (1988) pula menyimpulkan bahawa filantropi merupakan amalan sukarela demi kebaikan umum. Kenyataan Bremner (1960) mengenai filantropi pula berpendapat tujuan filantropi adalah untuk meningkatkan kualiti hidup. Dari takrif-takrif ini, McCully (2008) menyimpulkan bahawa filantropi membawa maksud inisiatif persendirian sama ada individu, persatuan mahupun badan bukan kerajaan yang dilakukan untuk kebaikan dan kepentingan umum yang memfokuskan kepada peningkatan kualiti hidup.

Terdapat satu lagi konsep yang agak dekat dengan filantropi iaitu konsep *charity*, namun terdapat perbezaan penting antara *charity* dan *philanthropy*, Gunderson menyatakan “*Charity tends to be a short-term, emotional, immediate response, focused primarily on rescue and relief, whereas philanthropy is much more long-term, more strategic, focused on rebuilding* (Smith, 2014). Kesimpulannya, *philanthropy* berbeza dengan *charity*, tidak semua *charity* adalah *philanthropy* dan begitulah sebaliknya. *Charity* bertujuan menyelesaikan masalah pada peringkat permukaan sahaja dan bersifat jangka masa pendek. Manakala *philanthropy* adalah lebih mendalam dengan cuba untuk mencabut akar atau punca yang menyebabkan masalah itu berlaku serta melibatkan pelan jangka masa panjang.

Tidak dinafikan bahawa konsep dan pemahaman filantropi pada hari ini adalah bawaan barat, namun ia tidak bererti Islam tidak mempunyai konsep dan bawaan “filantropi”nya yang tersendiri. Razali (2017) mengertikan filantropi menurut Islam dengan kedermawanan. Pada masa yang sama merangkumkan perbuatan baik kepada alam sekitar seperti memberi makan kepada binatang dan menyiram tanaman dalam skop kedermawanan Islam. Begitu juga setiap amalan kebaikan seperti bekerja menziarahi orang sakit, hubungan antara suami isteri, amar makruf dan nahi mungkar yang dilakukan demi mendapat keredhaan Allah adalah termasuk di dalam skop kedermawanan Islam, sesuai dengan sabda Nabi Muhammad SAW:

“Setiap perbuatan baik itu adalah sedekah” (Hadis riwayat Al Bukhari)

Pengamatan daripada takrif dan tafsiran di atas, didapati bahawa falsafah atau roh filantropi adalah pada berbuat baik sesama makhluk, tanpa mengehadkannya kepada

kedermawanan yang bersifat kewangan. Ini meluaskan lagi takrif filantropi Islam kepada apa sahaja perbuatan baik yang merangkumi bukan sahaja penggunaan harta bahkan juga tenaga.

Metodologi Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mencari asas-asas filantropi dalam nas-nas al-Quran dan Hadis supaya sumber-sumber kewangan Islam boleh dimanfaatkan secara maksimum dalam usaha membantu memulihkan bekas penagih. Oleh itu kajian ini akan menggunakan metode analisis kualitatif.

Kajian ini melibatkan kajian perpustakaan bagi tujuan pengumpulan data. Pelaksanaan kaedah ini digunakan untuk mencapai kesemua objektif kajian. Secara lebih khusus, kajian kepustakaan dilakukan bagi mengumpul data primer daripada al-Quran dan Hadis sahih serta data sekunder yang terdiri daripada tafsiran ulama berkenaan ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang berkaitan.

Metode analisis kandungan digunakan dalam usaha menganalisis data dan fakta yang diperoleh. Menurut Sabitha (2005), analisis kandungan adalah proses meneliti dan menjelaskan kandungan dokumen yang dikaji secara sistematik. Oleh yang demikian, analisis kandungan digunakan bagi menjelaskan perkara-perkara yang tersurat pada maklumat yang berkaitan dengan semua aspek yang terkait dengan kajian.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Alterman & Hunter (2004) menyebut bahawa filantropi menghubungkan antara Muslim. Dalam konsep keimanan dan kemasyarakatan Islam, manusia dihubungkan antara satu sama lain melalui tanggungjawab kepada Allah. Perbuatan memberi sedekah atau apa-apa perbuatan baik bukanlah sekadar ibadat dan bukan pula sekadar aktiviti kemasyarakatan. Ianya adalah proses pembinaan masyarakat melalui keimanan, dan pada waktu yang sama mengukuhkan iman dengan membangunkan masyarakat.

Islam menggalakkan umatnya untuk berinfak dan berbuat baik kepada orang lain tanpa mengharap apa-apa balasan selain pahala dan keredhaan Allah SWT. Ayat-ayat al-Quran dan himpunan Hadis yang diriwayatkan daripada Nabi Muhammad SAW membuktikan betapa Islam menganjurkan amalan infak untuk menyemai rasa kasih sayang dan bertimbang rasa sesama manusia. Islam bukan sekadar berharap kepada individu yang sudah sedia baik (*philanthropic person*), malah menyemai rasa kasih sayang dalam diri masyarakat umum dengan membiasakan melakukan kebaikan untuk menjadikan mereka orang yang baik.

Menyemai Semangat Kekitaan

Nabi Muhammad SAW bersabda: *“Seorang Mukmin dengan Mukmin yang lain adalah seperti bangunan yang menguatkan satu sama lain.”* Kemudian nabi menyilangkan jari-jemarinya. (Hadis riwayat Al Bukhari)

Hadis ini menunjukkan betapa Nabi Muhammad SAW menegaskan peri pentingnya tanggungjawab dan kewajiban seorang Muslim untuk membantu saudara seagamanya yang ditimpa ujian dan musibah. Ini digambarkan oleh Baginda SAW seperti sebuah bangunan yang tidak akan sempurna dan tidak dapat berfungsi dengan baik kecuali apabila setiap satu bahagian menguatkan bahagian yang lain.

Daripada Anas bin Malik r.a berkata: Rasulullah SAW bersabda: *“Tiadalah beriman padaku (sempurna imannya) seorang yang tidur dalam keadaan kenyang sedangkan jirannya kelaparan dan dia mengetahuinya”* (Hadis riwayat Al Bukhari)

Dalam hadis di atas, Nabi Muhammad SAW menyebut bahawa seorang yang sempurna imannya tidak akan hidup dengan tenang dan sanggup membiarkan orang di sekelilingnya berada dalam kemiskinan atau ditimpa musibah. Hadis ini juga menunjukkan bahawa komuniti yang baik adalah komuniti yang saling menjaga kebajikan satu sama lain, menyetepikan kepentingan individu dan mengambil berat tentang sosioekonomi dalam komuniti tersebut.

Ganjaran dan Galakan Membuat Kebajikan Sesama Manusia

“Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad): Apakah yang akan mereka belanjakan (dan kepada siapakah)? Katakanlah: "Apa jua harta benda (yang halal) yang kamu belanjakan maka berikanlah kepada: Kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan orang-orang yang terlantar dalam perjalanan. Dan (ingatlah), apa jua yang kamu buat dari jenis-jenis kebaikan, maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahuiNya (dan akan membalas dengan sebaik-baiknya).”

(Al-Baqarah: 215)

Allah mewajibkan umat Islam menjaga kebajikan ahli keluarga mereka dan golongan yang memerlukan seperti anak yatim, fakir dan miskin serta musafir yang terkandas dan tidak dapat pulang ke negara masing-masing. Termasuk juga dalam kategori ini golongan pelarian yang melarikan diri daripada konflik di negara masing-masing. Walaupun ianya berbentuk perintah (wajib), namun Allah tetap menjanjikan ganjaran kepada orang yang melakukannya

sebagai satu cara menggalakkan hamba-hambanya berbuat baik. Begitu juga disebutkan dalam ayat 20 surah Al-Muzammil, Allah berfirman;

“Dan dirikanlah sembahyang serta berikanlah zakat; dan berilah pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (ikhlas). Dan (ingatlah), apa jua kebaikan yang kamu kerjakan sebagai bekal untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasannya pada sisi Allah, -sebagai balasan yang sebaik-baiknya dan yang amat besar pahalanya. Dan mintalah ampun kepada Allah; sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

(Al-Muzammil: 20)

Tafsir al-Jalalain dan *Tafsir Ibnu Kathir* menafsirkan “pinjaman kepada Allah” sebagai berinfak pada selain perkara yang diwajibkan di jalan Allah secara ikhlas dan hanya mengharapkan keredhaanNya. Contohnya, dengan memberi sedekah mahupun pinjaman kepada sesiapa yang memerlukan.

Ancaman kepada Orang yang Mengumpulkan Harta Tanpa Dimanfaatkan

Islam tidak menjadikan wang ringgit sebagai matlamat akhir, ini dibuktikan dengan pengharaman faedah dalam urus niaga pinjaman dan perniagaan. Islam melihat wang ringgit sebagai medium yang perlu dibelanjakan untuk pembangunan insan, komuniti, dan negara. Allah SWT mengecam golongan yang mengumpulkan harta sekadar untuk disimpan dalam firmanNya:

“Kecelakaan besar bagi tiap-tiap pencaci, pengeji. Yang mengumpulkan harta dan berulang-ulang menghitung kekayaannya; Ia menyangka bahawa hartanya itu dapat mengekalkannya (dalam dunia ini)! Tidak! Sesungguhnya dia akan dicampakkan ke dalam neraka "Al-Hutamah".

(Al-Humazah: 1-4)

Di awal surah ini, Allah SWT mengancam golongan yang selalu memarahi, mencela dan menghina orang lain dengan rasa sombong dan bermegah diri. Kemudian Allah SWT mencela pula golongan yang mengumpul dan mengira harta yang dikumpulkan tanpa menunaikan hak Allah (*Al-Tabari, 2000*). Walaupun disebut sebagai hak Allah, namun manfaatnya kembali kepada masyarakat. Dua contoh hak Allah adalah zakat dan sembelihan korban. Hasil kutipan zakat diagihkan kepada golongan fakir miskin dan memerlukan, begitu juga dengan daging sembelihan korban, ia sunat diberikan kepada golongan yang memerlukan dan masyarakat setempat.

Filantropi untuk Kegunaan Jangka Masa Panjang

Daripada Abu Hurairah r.a Rasulullah SAW bersabda: “*Apabila matinya seorang anak Adam, terputuslah segala amalannya kecuali dari tiga sumber: sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan, dan anak soleh yang mendoakannya.*” (Hadis riwayat Muslim)

Hadis ini amat menarik jika dilihat dari sudut potensi filantropi. Sedekah jariah adalah sumbangan yang boleh dimanfaatkan untuk jangka masa panjang seperti mewakafkan tanah, memberi sumbangan untuk pembinaan pusat-pusat pengajian akademik, infrastruktur awam, dan termasuk juga pusat-pusat pemulihan. Ilmu yang dimanfaatkan sama ada dipraktikkan seperti doktor, jurutera, arkitek, dan akauntan yang menggunakan ilmu mereka dalam bidang masing-masing untuk memberi manfaat kepada komuniti, atau diajar kepada generasi baru untuk melahirkan modal insan yang kompeten. Manakala “anak soleh yang mendoakannya” menunjukkan besarnya tanggungjawab ibu bapa untuk mendidik generasi yang mampu menghargai, memanfaatkan dan memajukan lagi apa yang diwarisi dari generasi sebelum mereka.

Kepelbagaian Instrumen Filantropi Islam dan Potensinya kepada Institusi Pemulihan Dadah

Majoriti instrumen filantropi Islam mempunyai unsur filantropi dan *ta'awun* iaitu saling bantu-membantu. Antara instrumen filantropi Islam adalah sedekah, *qardhul hasan*, nafkah, *tabarru'*, wakaf, dan zakat. Jika diteliti, hukuman-hukuman denda dalam Islam juga mempunyai elemen filantropi. Sebagai contoh, antara denda bagi orang yang menyetubuhi isterinya di siang hari bulan Ramadhan adalah dengan memberi makan kepada 60 orang miskin.

Hampir kesemua instrumen di atas bersifat umum dan boleh diguna pakai dalam konteks institusi pemulihan dadah melainkan zakat. Ini tidak bermaksud zakat tidak berpotensi untuk diimplementasikan dalam menyokong institusi pemulihan, tetapi beberapa perkara perlu dilihat dan diperhalusi kerana ia dikhususkan hanya kepada golongan yang berhak dan mempunyai kaedah pengagihan yang tersendiri. Allah SWT berfirman;

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu

ketetapan (yang datangnyanya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

(Al-Taubah: 60)

Para ulama seperti Ibnu Kathir dan Wahbah Al-Zuhaili menjadikan ayat ini sebagai asas klasifikasi asnaf-asnaf yang berhak menerima zakat, iaitu golongan fakir, miskin, pengurus wang zakat, muafak, hamba sahaya, orang yang berhutang, golongan *fi sabilillah*, dan musafir. Cendekiawan Islam silam dan kontemporari sentiasa membahaskan, mentafsir dan mengembangkan definisi golongan asnaf yang berhak menerima zakat sesuai dengan keadaan semasa.

E.M. Tajuddin et al. (2015) menyarankan agar pusat pemulihan dilantik sebagai amil supaya mereka dapat menggunakan dana tersebut untuk membiayai program-program mereka. Pandangan ini mampu dikembangkan lebih jauh, contohnya dengan menjadikan pusat pemulihan yang menjalankan terapi pekerjaan kepada penghuni mereka sebagai amil dan pada masa yang sama berfungsi sebagai majikan manakala bekas-bekas penagih tersebut sebagai pekerja. Pusat pemulihan boleh menggunakan hasil kutipan zakat sebagai sumber modal, bayaran gaji dan menampung kos-kos penyelenggaraan.

Dalam mengatasi masalah kekurangan dana di institusi pemulihan dadah, instrumen zakat berpotensi untuk disalurkan bagi menampung keperluan harian penghuni. Instrumen wakaf dalam bentuk hartanah pula boleh digunakan dengan mengusahakan pertanian untuk menjana pendapatan, menampung keperluan makanan harian penghuni, dan juga sebagai satu bentuk terapi pekerjaan. Wakaf tunai pula boleh dimanfaatkan dengan cara melaburkannya di amanah saham terpilih atau digunakan untuk membeli aset-aset yang boleh dimanfaatkan untuk jangka masa panjang.

Penutup

Filantropi Islam berbeza dengan filantropi Barat di mana ia tidak hanya bersandarkan rasa cinta kepada manusia, bahkan juga berdasarkan rasa tanggungjawab, amanah, cinta kepada Allah dan Rasul serta mengharap ganjaran dan keredhaan dariNya. Selain dimotivasikan oleh rasa cinta dan kasih sesama manusia, filantropi Islam juga dimotivasikan oleh rasa kasih Allah kepada makhlukNya.

Filantropi Islam bukanlah sekadar wakaf semata-mata, pemberian sedekah dan infak, mengeluarkan zakat, menunaikan nafkah kepada ahli keluarga, memberi makan kepada anak yatim, dan pembebasan hamba juga adalah filantropi. Malah berbuat baik kepada jiran, memberi nafkah kepada ahli keluarga, memberi makan kepada orang asing, membersihkan

tempat-tempat awam dan sebagainya juga adalah filantropi. Ini kerana dari segi takrifnya ia tidak terikat dengan pemberian berbentuk material.

Asas filantropi dalam Islam dibuktikan dengan banyaknya ayat-ayat Al-Quran dan hadis-hadis Nabi SAW yang mewajibkan zakat serta menggalakkan umatnya untuk berbuat baik dan berbakti kepada sesama manusia dan alam. Islam menerapkan rasa tanggungjawab ke dalam diri insan dengan mewajibkan pemberian nafkah kepada ahli keluarga, dan mewajibkan pemberian zakat fitrah kepada asnaf-asnaf yang berhak menerimanya. Islam menggalakkan umatnya berinfak dengan apa jua medium sama ada dalam bentuk mata wang, barang kemas, hartanah, mahupun keringat dengan apa jua wadah sama ada sedekah, wakaf, *tabarru'*, *qardhul hasan* dan sebagainya. Islam menegaskan bahawa wang bukanlah matlamat akhir, tetapi hanyalah medium yang perlu diguna untuk membangunkan individu, institusi dan negara pada amnya, malah Allah mengecam golongan yang membolot harta tanpa dimanfaatkan.

Filantropi Islam mempunyai potensi besar untuk diguna pakai demi melestarikan operasi institusi pemulihan dadah secara khususnya serta institusi-institusi kebajikan lain secara amnya. Namun, beberapa perkara perlu diteliti supaya hasil yang di kumpul melalui filantropi Islam, terutamanya melibatkan dana kewangan dapat dimanfaatkan secara optimum dan tidak digunakan dalam bentuk yang menyalahi kehendak syarak.

Penghargaan

Projek ini dibiayai di bawah Skim Geran Penyelidikan Nic (NRGS-KPM) UniSZA/NRGS/2013/RR057, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kuala Terengganu. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Pendidikan Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Penjara Marang dan Universiti Sultan Zainal Abidin di atas bantuan yang diberikan kepada projek ini.

Rujukan

Abi al-Husain, Muslim bin al-Hajjaj. (2003). *Sahih Muslim*. Sidqi Jamil al-‘Attar (Ed.). Beirut: Dar El-Fikr.

Abu al-Fida’ Ismail bin Umar bin Kathir (1999). *Tafsir al-Quran al-Adzim*, Sami bin Muhammad Salama (Ed.), Riyadh: Dar Taibah for Publishing and Distribution.

Al-Bukhari, Abi Abdullah Muhammad bin Ismail. (1998). *Sahih al-Bukhari*. Muhammad bin Soleh al-Barjahi et.Al.(Ed.). Riyadh: Baitul Afkar.

Cairo: Maktabah al-Qudsi.

Al-Mahalli, Jalal al-Din dan al-Suyuti, Jalal al-Din. (2001). *Tafsir Jalalain*. Cairo: Dar al-Hadeeth.

Al-Quran Al-Karim.

Al-Tabari, Muhammad bin Jarir (2000), *Jamie' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*, Ahmad Muhammad Syakir (Ed.), Beirut: Resalah Publisher.

Alterman, Jon B. dan Hunter, Shireen (2004). *The Idea of Philanthropy in Muslim Contexts*. Disediakan untuk USAID (United States Agency International Development). Washington: The Center for Strategic and International Studies.

Al-Zuhaili, Wahbah(1985). *Fiqh Islami wa Adillatuhu*. Beirut: Dar al-Fikr.

Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali, Zulkifli Mohd, Syed Mohd Azmi Syed Ab Rahman & Mohd Shahril Othman (2017) Strengthening Drug Rehabilitation Centres Through Zakah Fund. *International Journal of Academic Research and Social Sciences*. Vol 7(8).

<https://www.merriam-webster.com/dictionary/philanthropy> diakses pada 13 september 2017.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Matthew Smith (2014). *The Difference Between Charity and Philanthropy*. Dicapai daripada carian di <https://www.linkedin.com/pulse/20140411163627-9623993-the-difference-between-charity-and-philanthropy> diakses pada 14 September 2017.

McCully, George (2008). *Philanthropy Reconsidered : Private Initiatives - Public Good - Quality of Life*. Bloomington: AuthorHouse.

Olivia Tournay Flatto (2015). *The Case Of Philanthropy: Bringing Scientists And Philanthropic Donors Together, For Good*. Dicapai daripada carian di <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC4582109/>.

Razali bin Othman. (2017). *Konsep Filantropi Dalam Sudut Pandang Islam*. Dibentangkan di Seminar Filantropi Derma-Bakti Islam: Pendekatan Korporat Dalam Konsep Wakaf. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Robert H. Bremner(1960). *American Philanthropy* (Edisi Kedua 1988). Daniel J. Boorstin (Ed.). Chicago: University of Chicago Press.

Robert L. Payton. *Philanthropy: Voluntary Action for the Public Good* (1988). Michigan: American Council on Education/Macmillan Publishing Company.

Sabitha Marican. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya: Prentice Hall.

The Melvin and Bren Simon Foundation (2015). *Is There A Difference Between Charity and Philanthropy?*. Dicapai daripada carian di <http://www.brensimon.com/difference-between-charity-and-philanthropy/> diakses 13 September 2017.

Yusof, W.C.W.M., Tajuddin, E.A.E.M., Azmi, S.A.R.S.M., & Alqari, M.Z.A. (2018). Filantropi: Satu Sorotan Dari Sudut Hukum Taklifi. *Asian People Journal (APJ)*, 1 (1), 12-27.